



TEKS UCAPAN TETAMU KEHORMAT

Yang Berhormat Dato Seri Setia

Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

MAJLIS SAMBUTAN BULAN BAHASA 2023

Hari Rabu, 16 Zulhijah 1444/05 Julai 2023

Pusat Beli-Belah The Mall, Gadong

9.00 Pagi

Bismillahirrahmannirahim.

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen Wassalatu Wassalamu 'Ala asyrafil Anbiyaae Wal Mursalin Saidina Muhammadin Wa'ala Aalihi Wasahbihi Ajma'in.

Yang Mulia

Awang Suip bin Haji Abdul Wahab

Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Selaku Pengerusi Ahli Jawatankuasa Kerja Majlis Sambutan Bulan Bahasa 2023

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia

Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia

Ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan kerajaan, ahli akademik, penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara, pencinta dan pejuang bahasa, sastera dan budaya, para pendidik, para penulis, mahasiswa-mahasiswi, pelajar-pelajar, hadirin hadirat dan para pelayar yang dirahmati Allah.

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, dipanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah Subhanahu wa taala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua, kita diberi kesempatan untuk berkumpul pada hari yang berbahagia dan sangat bermakna ini bagi menjayakan Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Bahasa bagi tahun 2023.

Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga, sahabat dan mereka yang mengikut jejak langkah baginda hingga akhir zaman. Semoga apa jua yang telah dan akan dilaksanakan nanti mendapat keberkatan dan keredaan dari-Nya jua.

Pertama sekali, peramba/saya mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada Pengerusi serta Ahli Jawatankuasa Kerja Majlis Sambutan Bulan Bahasa 2023 yang berjaya menganjurkan program ini. Kita sedia maklum bahawa Sambutan Bulan Bahasa ini merupakan sambutan yang diadakan pada setiap bulan Julai selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa sambutan Jubli Emas Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2011.

Sambutan ini merupakan salah satu wahana yang berterusan dalam sama-sama mendukung dan membarigakan kepentingan memartabatkan bahasa Melayu dan pelaksanaannya terutama sekali dalam kita mengharungi era pembangunan dan kemodenan. Justeru itu, bahasa Melayu tidak boleh dikesampingkan. Ini kerana pembangunan dan kemajuan sesebuah negara tidak boleh diukur daripada aspek fizikal dan kebendaan semata-mata, sebaliknya perlu menyeluruh dan bersepadu. Dalam konteks ini, bahasa dan sastera sebagai unsur penting kebudayaan dan tamadun bangsa dan negara tidak boleh dipandang sepi dalam arus pembangunan negara. Maka kewujudan Perlembagaan Negeri Brunei 1959 dan penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam tahun 1961 adalah bertujuan untuk mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara dan ini adalah terbit daripada kesedaran bahawa persediaan perlu dimulakan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara ini.

Dalam hubungan ini, momentum daripada perlembagaan tersebut telah pun memperlihatkan hasil yang nyata dan memberangsangkan. Bahasa Melayu telah berperanan sebagai asas pembentukan jati diri dan citra bangsa rakyat dan penduduk negara ini. Penggunaan bahasa Melayu seringkali disentuh dalam titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan sering ditekankan untuk tidak mengabaikannya. Dalam surat-surat keliling juga dinyatakan tentang penggunaan bahasa Melayu dalam urusan-urusan rasmi kerajaan. Ditambah lagi dengan pemerksaan tulisan Jawi yang telah menjadi satu kemestian pada papan-papan tanda telah memperkukuh bahasa Melayu itu sendiri. Pada masa yang sama, ia juga memperlihatkan betapa Negara Brunei Darussalam menyantuni dan memulihara peradaban tinggi yang kita miliki ini. Falsafah negara kita, Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir yang mempunyai nilai kemelayuan yang komprehensif lagi insklusif juga telah menambah nilai bahasa Melayu.

Yang Berhormat – Yang Berhormat, Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda pada tahun 1990, antara petikan titah tersebut ialah:

Dari tiga rangkaian kata “Melayu Islam Beraja” terdapat unsur atau nilai-nilai yang positif untuk ketahanan negara, umpamanya dari Melayu itu, ialah bahasanya. Siapa pun tidak boleh menyangkal bahawa bahasa Melayu itu adalah satu-satunya alat perpaduan kita yang paling efektif. Tanpa bahasa ini, kita tentunya tidak akan dikenali sebagai satu bangsa yang berdaulat lagi mempunyai identiti.

Dari titah baginda ini, dapat kita fahami betapa tingginya nilai bahasa Melayu tersebut. Bahasa Melayu adalah bahasa perpaduan, bahasa komunikasi yang menyatukan kita sebagai satu bangsa yang berdaulat. Sebagai orang Brunei, purih Brunei, kita mestilah menggalas tanggungjawab untuk mempertahankannya sebagai identiti nasional dan tidak membiarkan bahasa Melayu itu pupus ditelan zaman.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Peramba/Saya difahamkan bahawa Sambutan Bulan Bahasa pada kali ini telah mengundang jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan untuk sama-sama berkolaborasi mengadakan pameran yang menjalur kepada inisiatif pemerksaan bahasa Melayu. Ini merupakan satu inisiatif

yang membanggakan, dalam masa yang sama memperlihatkan kerjasama bersepadu kementerian ini dalam memberi dukungan yang penuh terhadap pemerkasaan bahasa Melayu. Peramba/Saya percaya di masa akan datang pameran sebegini ini juga akan dapat disertai oleh agensi, jabatan atau kementerian lain supaya pemerkasaan bahasa Melayu akan bertambah ampuh lagi demi menunjukkan usaha nasional yang bersepadu. Keterlibatan jabatan atau kementerian lain juga akan menunjukkan kerjasama yang erat yang berstrategikan pendekatan senegara yang dapat menyuntik rasa pemilikan bersama atau semangat kekitaan bagi mewujudkan rasa bangga dan rasa tanggungjawab rakyat dan penduduk negara ini terhadap bahasa Melayu.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga telah mengambil punggur ke hadapan dengan menjenamakan semula laman webnya dengan menggunakan dwi bahasa iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dan bahasa Inggeris bagi kemudahan para pelayar penutur bukan Bahasa Melayu. Ini juga merupakan usaha KKBS dalam memberikan impak “kemelayuan” dan kesungguhan KKBS menyantuni bahasa Melayu ke tingkat yang selayaknya.

Peramba/Saya juga berharap semua rakan strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan memberi sokongan yang berterusan untuk terus memperkasakan bahasa Melayu dalam setiap wahana. Kepada rakan media pula, diharap juga akan dapat terus melestarikan ketamadunan ilmu kebahasaan demi melahirkan anak-anak Brunei yang pekat dengan calak budaya kita dan menjadi warganegara yang berkualiti. Semua lapisan masyarakat di negara ini hendaklah menyedari bahawa bahasa ibunda kita adalah merupakan identiti kita sebagai anak Brunei dan pemakaian serta penggunaannya sudah setentunya menunjukkan semangat patriotik kitani selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kiyani cintai ini.

Akhirnya, setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang berjaya menganjurkan Sambutan Bulan Bahasa 2023. Ucapan penghargaan juga tidak lupa dirakamkan kepada jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang bersatu hati dalam menyemarakkan dan menjayakan sambutan ini. Semoga kita semua mendapat manfaat daripada majlis ini dan hanya Allah Subhanahu wa taala yang dapat memberikan ganjaran berlipat ganda terhadap usaha yang dizahirkan demi memperkasakan bahasa Melayu.

Akhirnya Peramba/ Saya berdoa dan berharap agar Sambutan Bulan Bahasa ini akan dapat diteruskan bagi membolehkan kitani mewariskan Bahasa Melayu, identiti serta budaya kitani, cara dan gaya hidup kitani selaku orang Brunei khususnya Melayu Islam Beraja kepada anak-anak generasi muda kitani.

Bersama harapan itu, maka dengan lafaz suci Bismillaahirrahmanirrahim, selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad S.A.W, Peramba/Saya dengan sukacitanya melancarkan Sambutan Bulan Bahasa 2023.

Sekian.

Wabillahit Taufiq Walhidayah, Assalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh